

**HUBUNGKAIT ANTARA TAHAP PENGUASAAN BACAAN DENGAN  
TAHAP KEFAHAMAN MAHASISWA PUSAT ASASI KUIS  
TERHADAP SURAH AL-FATIHAH**

Mohd Rasyidi Ali<sup>1</sup>, Wan Fakhrul Razi Wan Mohamad<sup>2</sup>, Abdul Hadi Awang<sup>3</sup>,  
Muhammad Faiz Mukmin Abdul Mutalib<sup>4</sup>.

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

[mohdrasyidi@kuis.edu.my](mailto:mohdrasyidi@kuis.edu.my)

**ABSTRAK**

Surah al-Fatihah dinamakan juga *Ummu al-Kitab* kerana ia merupakan satu surah yang menjadi paksi kepada keseluruhan maksud al-Quran. Selain itu, ia juga merupakan antara bacaan yang wajib dibaca dalam solat fardhu. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis hubungkait antara tahap penguasaan bacaan dengan tahap kefahaman surah al-Fatihah dalam kalangan mahasiswa Pusat Asasi di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Kajian ini menggunakan metodologi kuantitatif dengan kaedah soal selidik. Kajian awal mendapati bahawa tahap kefahaman mempunyai hubungkait yang boleh mempengaruhi tahap penguasaan bacaan yang baik. Dapatkan kajian ini boleh digunakan sebagai kayu ukur bagi membantu meningkatkan kualiti bacaan dan tadabbur al-Quran di kalangan umat Islam umumnya.

Kata kunci: *Hubungkait, bacaan, kefahaman, mahasiswa pusat asasi, surah al-Fatihah.*

## PENGENALAN

Al-Quran merupakan kitab ibadah dan panduan utama bagi manusia. Membaca dan memahami al-Quran merupakan tuntutan Islam terhadap umatnya lebih-lebih lagi membaca surah al-Fatiyah. Firman Allah Taala:

أَوْ زِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلْ الْقُرْآنَ تَرْتِيلًا

*Dan bacalah Al-Quran Dengan "Tartil".*

(Surah Al-Muzzammil: 4)

Menurut al-Tantawi (1998) menghuraikan perkataan تَرْتِيلًا itu dengan maksud membaca dengan suara yang merdu, dengan khusyuk dan tadabbur serta beriltizam dengan bacaan yang sempurna lagi sahih dengan melihat kepada makhraj-makhraj hurufnya, waqafnya, hukum mad, izhar, ikhfa' dan sebagainya. Ini bermakna bacaan al-Quran yang sempurna kualitinya adalah bacaan yang disertai dengan pemahaman dan penghayatan isi kandungannya.

Setiap huruf al-Quran yang dituturkan adalah ibadah dan akan diganjarkan dengan pahala yang berlipat kali ganda. Selari dengan sepotong hadith yang diriwayatkan oleh 'Abdullah bin Mas'ud r.a, beliau berkata bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

من قرأ حرفًا من كتاب الله، فله به حسنة، والحسنة بعشر أمثالها. لا أقول الم حرف، ولكن ألف حرف، ولام حرم، وميم حرف.

*Barang siapa yang membaca satu huruf dari Al Quran maka baginya satu kebaikan dengan bacaan tersebut. Dan satu kebaikan itu dilipatgandakan menjadi 10 kebaikan yang seumpamanya. Aku tidak mengatakan الم itu satu huruf, akan tetapi Alif satu huruf, Lam satu huruf dan Mim satu huruf.*

(Riwayat al-Tirmizi)

Memahami al-Quran pula adalah syarat mendapat petunjuk dari Allah Taala. Hal ini kerana hidayah atau petunjuk bagi manusia itu bermula dengan memahami kehendak Allah Taala dalam al-Quran kemudiannya ia disusuli dengan perlaksanaannya. Justeru Allah Taala menegaskan tentang tujuan penurunan al-Quran adalah untuk difahami dan diambil peringatan daripadanya seperti firmanNya:

كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكُمْ بُشِّرَوْا آيَاتِهِ وَلَيَتَذَكَّرَ أُولُوا الْأَلْبَابِ

(Surah Shad: 29)

Lebih-lebih lagi surah al-Fatiyah yang merupakan surah yang teragung di dalam al-Quran al-Karim dan merupakan rukun *qawli* (pertuturan) yang pertama dalam solat. Tanpa membacanya, maka tidak sah solat.

Menghayatinya pula dalam solat adalah satu tuntutan kerana ia sebahagian daripada proses mencapai khusyuk. Menurut al-Ghazali (2004) khusyuk itu merupakan suatu yang wajib dalam solat.

Surah al-fatihah juga dinamakan dengan ‘*Surah al-Munajat*’. Yang mana tidak sempurna munajat tersebut tanpa memahami makna surah al-Fatihah. Oleh yang demikian, Ibn Qayyim (2004) memandang tinggi nilai bagi setiap ayat pada surah al-Fatihah sehingga ia perlu difahami dan dihayati sewajarnya. Kata beliau:

### فَكُلْ آيَةً مِنْ آيَاتِ الْفَاتِحَةِ عَبُودَةً تَخْصَّهَا

*Setiap ayat daripada surah al-Fatihah itu terdapat nilai ibadah (perhambaan) yang khusus baginya.*

Antara lain berkenaan kepentingan memahami surah al-Fatihah ini seperti yang dinyatakan oleh Mohd Zaki (2016) bahawa di dalam surah al-Fatihah terkandung beberapa prinsip penting tentang nilai tauhid yang menyentuh tentang konsep dan dasar akidah Islam yang sebenar. Surah al-Fatihah juga diangkat sebagai nadi kepada al-Quran yang mempunyai prinsip-prinsip dan nilai-nilai yang mampu menyediakan sistem terbaik dalam pentadbiran dan pengurusan yang dikehendaki oleh Islam (Abdul Hakim Abdullah et.al, 2016)

Dari sudut penggunaan dua bahasa pula iaitu bahasa Arab yang digunakan untuk bacaan dan bahasa Malaysia yang digunakan untuk terjemahan memberi rasa kefahaman serta membentuk minda yang fokus (minfullness) terhadap terapi yang dilalui serta menggalakkan pergerakan kedua-dua belah otak iaitu kiri dan kanan bergerak secara serentak (Ahmad Hisham, (2009)).

Memahami surah ini juga mampu membentuk pemikiran, gelagat dan emosi yang lebih positif seterusnya mengurangkan gejala dan masalah sosial dalam masyarakat (Norizan Yusof, 2016).

Namun realiti tahap kefahaman pelajar terhadap surah al-Fatihah menurut hasil kajian Isahak Haron (2011), beliau mendapati lebih 80 peratus pelajar tingkatan dua dari beberapa sekolah menengah serta penuntut sebuah universiti gagal menjelaskan makna dan terjemahan surah berkenaan. Perkembangan itu ternyata membimbangkan kerana pemahaman dan penghayatan makna bacaan al-Fatihah amat penting untuk memperoleh kekhusukan dalam sembahyang sekali gus memberi lebih kesan ke arah pembentukan Muslim sejati yang dituntut agama.

Oleh yang demikian kajian hubungkait ini penting bagi menilai adakah terdapat hubungan yang signifikan antara bacaan dengan kefahaman surah al-Fatihah dalam kalangan mahasiswa Pusat Asasi. Di samping melihat apakah elemen utama yang menyumbang kepada peningkatan kualiti dan kesempurnaan bacaan dan kefahaman surah al-Fatihah dalam kalangan pelajar.

## 2.0   OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan menilai hubungkait antara tahap bacaan dengan tahap kefahaman mahasiswa Pusat Asasi terhadap surah al-Fatihah. Kajian hubungkait ini sangat penting bagi memastikan kualiti bacaan al-Quran dan penghayatan dalam solat lebih bermutu.

### 3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kertas kerja ini membincangkan kaitan antara bacaan dengan kefahaman surah al-Fatihah di kalangan mahasiswa Pusat Asasi KUIS dengan menggunakan kaedah soal selidik. Persampelan diambil secara rawak tetapi jumlah sampel adalah sama banyak mengikut bidang pengajian bagi mendapatkan data yang seimbang dalam kajian ini.

Kajian ini juga menggunakan kaedah Korelasi Pearson. Kaedah ini digunakan untuk mencari hubungan di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji. Korelasi Pearson digunakan kerana data bagi kajian adalah data tahap interval.

### 4.0 ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pusat Asasi menawarkan lima program asas pada tahun 2016/2017. Program-program tersebut ialah Kursus asas Pengajian Islam, Asasi Pengurusan, Kursus asas Bahasa Arab, Asasi Komunikasi dan Asasi Teknologi Maklumat. Rajah di bawah menunjukkan taburan respondan kajian.

Jadual 1: Taburan Kekerapan Responden Berdasarkan Program

	Kekerapan	Peratus (%)
Pengajian Islam	40	20.0
Pengurusan	40	20.0
Teknologi Maklumat	40	20.0
Bahasa Arab	40	20.0
Komunikasi	40	20.0
Jumlah	200	100


Rajah 1: Taburan Kekerapan Responden Berdasarkan Program

#### Taburan Program Respondan

■ Pengajian Islam 20% ■ Pengurusan 20%

■ Teknologi Maklumat 20% ■ Bahasa Arab

■ Komunikasi



Merujuk kepada Jadual 1, sampel kajian yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 200 orang di mana sebanyak 20 peratus respondan diambil daripada setiap program yang mewakili 40 orang bagi setiap program. Pemilihan responden yang sama rata ini adalah bagi mendapatkan data yang seimbang dalam kajian ini.

Analisis purata bagi setiap bahagian dijalankan untuk mendapatkan purata keseluruhan bagi setiap bidang dan purata keseluruhan responden ( $n=200$ ). Perwakilan bagi setiap bidang adalah seperti di bawah:

<b>Perwakilan</b>	<b>Bidang</b>
1	Bidang Pengajian Islam
2	Bidang Pengurusan
3	Bidang Teknologi Maklumat
4	Bidang Bahasa Arab
5	Bidang Komunikasi

### **Kaitan Antara Bacaan dan Kefahaman Surah Al-Fatihah**

Analisis purata bagi setiap item bagi bahagian ini dijalankan untuk mendapatkan nilai purata (Min) bagi Persepsi Terhadap Keupayaan Diri Membaca Surah Al-Fatihah dan nilai purata (Min) bagi Tahap Kefahaman Bacaan.

Jadual 1: Nilai Purata (Min) bagi Persepsi Terhadap Keupayaan Diri Membaca Surah Al-Fatihah Mengikut Bidang.

<b>Bil</b>	<b>Item Pemboleh Ubah</b>	<b>Purata Keseluruhan Mengikut Bidang</b>				
		<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>
1.	Saya boleh menyebut huruf-huruf dalam surah al-Fatihah dengan baik.	4.35	4.15	3.97	4.18	4.25
2.	Saya boleh menyebut kalimah-kalimah dalam Surah al-Fatihah dengan baik.	4.45	4.10	4.07	4.17	4.23
3.	Saya mengenali <i>waqaf</i> (tempat berhenti) dan <i>ibtida'</i> (tempat mula) dalam Surah al-Fatihah.	4.50	4.00	3.90	4.30	4.08
4.	Saya mengetahui hukum-hukum tajwid yang terdapat dalam Surah al-Fatihah.	4.17	3.90	3.90	4.10	3.55
5.	Saya boleh membaca surah al-Fatihah mengikut hukum tajwid dengan baik.	4.23	3.93	3.90	4.00	3.60

6.	Saya mempunyai pengetahuan tentang alunan suara dan tarannum dalam bacaan Surah al-Fatihah.	3.32	3.40	3.45	3.18	3.03
7.	Saya mampu membaca Surah al-Fatihah dengan alunan suara dan tarannum dengan baik.	3.05	3.20	3.10	3.08	3.05
8.	Saya mampu membaca Surah al-Fatihah dengan lancar dan fasih.	4.53	4.33	3.95	4.38	4.18
<b>Purata Keseluruhan</b>		<b>4.08</b>	<b>3.87</b>	<b>3.78</b>	<b>3.92</b>	<b>3.74</b>

Berdasarkan hasil purata keseluruhan mengikut bidang pada jadual di atas, dapat dilihat bahawa purata keseluruhan bagi persepsi terhadap keupayaan diri membaca surah al-fatihah bagi bidang Pengurusan, Teknologi Maklumat, Bahasa Arab dan Komunikasi adalah berada pada julat 3.00 sehingga 4.00. Ini bermakna persepsi responden bagi keempat-empat bidang ini adalah neutral berbanding dengan persepsi responden bagi bidang Pengajian Islam yang mempunyai purata 4.08 iaitu positif.

Jadual di atas juga menunjukkan tahap keupayaan membaca surah al-Fatihah yang tertinggi adalah pelajar Pengajian Islam iaitu dengan nilai purata 4.08, diikuti dengan pelajar Bahasa Arab 3.92, Pengurusan 3.87, Teknologi Maklumat 3.78 dan Komunikasi 3.74.

Jadual 2: Nilai Purata (Min) bagi Tahap Kefahaman Bacaan Mengikut Bidang.

Bil	Item Pemboleh Ubah	Purata Keseluruhan				
		1	2	3	4	5
1.	Ayat dalam Surah Al-Fatihah terdapat 7 ayat.	4.95	4.85	4.65	4.90	4.78
2.	Bismillahirrahmaanirrahim adalah satu ayat daripada Surah Al-Fatihah.	4.70	4.32	4.55	4.82	4.63
3.	Surah Al-Fatihah adalah rukun dalam solat.	4.90	4.82	4.63	4.83	4.85
4.	Saya memahami maksud setiap ayat dalam Surah Al-Fatihah.	4.50	4.05	3.90	4.30	3.88
5.	Hari Akhirat disebut dalam Surah Al-Fatihah.	4.65	4.25	3.97	4.27	4.18
6.	Terdapat doa dalam Surah Al-	4.70	4.45	4.13	4.55	4.27

Fatihah.					
7. Terdapat nama lain bagi Allah dalam Surah Al-Fatihah.	4.70	4.48	4.23	4.50	4.32
8. Terdapat dua golongan yang tidak diberi nikmat oleh Allah disebut dalam Surah Al-Fatihah.	4.45	4.10	4.15	4.43	3.93
<b>Purata Keseluruhan</b>	<b>4.69</b>	<b>4.42</b>	<b>4.28</b>	<b>4.58</b>	<b>4.36</b>

Berdasarkan jadual 2, Pelajar Pengajian Islam mendapat purata keseluruhan 4.69 bagi tahap kefahaman surah al-Fatihah diikuti oleh Bahasa Arab dengan 4.58, Pengurusan dengan 4.42, Komunikasi dengan 4.36 dan Teknologi Maklumat dengan 4.28. Hasil purata keseluruhan bagi setiap bidang pada jadual di atas, dapat dilihat purata keseluruhan bagi tahap kefahaman surah al-Fatihah bagi setiap bidang adalah berada di dalam julat 4.00 sehingga 5.00. Oleh hal yang demikian, dapat disimpulkan secara puratanya bahawa kesemua bidang mempunyai tahap kefahaman yang sangat baik terhadap surah al-Fatihah.

Namun jika dilihat pada item 4,5 dan 8 terdapat nilai purata di bawah 4.00 yang melibatkan responden daripada bidang pengajian teknologi maklumat dan Komunikasi. Hal ini kerana item-item tersebut memerlukan kefahaman yang lebih khusus dan mendalam tentang surah al-Fatihah berbanding item-item yang lain yang berkait dengan penguasaan ilmu bahasa arab.

Analisa nilai purata bagi tahap kefahaman bacaan secara keseluruhan pula membuktikan bahawa ketiga-tiga item yang disebutkan di atas mencatatkan nilai purata yang terendah seperti jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Nilai Purata (Min) bagi Tahap Kefahaman Bacaan Secara Keseluruhan.

<b>Bil</b>	<b>Item Pemboleh Ubah</b>	<b>Purata Keseluruhan (n=200)</b>
1.	Ayat dalam Surah Al-Fatihah terdapat 7 ayat.	4.83
2.	Bismillahirrahmaanirrahim adalah satu ayat daripada Surah Al-Fatihah.	4.61
3.	Surah Al-Fatihah adalah rukun dalam solat.	4.81
4.	Saya memahami maksud setiap ayat dalam Surah Al-Fatihah.	4.13
5.	Hari Akhirat disebut dalam Surah Al-Fatihah.	4.27
6.	Terdapat doa dalam Surah Al-Fatihah.	4.42
7.	Terdapat nama lain bagi Allah dalam Surah Al-Fatihah.	4.45

- 
8. Terdapat dua golongan yang tidak diberi nikmat oleh Allah disebut dalam Surah Al-Fatihah. 4.21
- 

**Purata Keseluruhan 4.47**

Berdasarkan hasil purata keseluruhan pada jadual di atas pula, dapat dilihat secara umumnya purata keseluruhan bagi persepsi tahap kefahaman bacaan adalah 4.47. Ini menunjukkan bahawa tahap kefahaman bacaan responden adalah baik memandangkan ianya berada dalam julat 4.00 sehingga 5.00. Keseluruhan item juga mempunyai purata melebihi 4.00 yang menunjukkan bahawa responden memahami surah Al-Fatihah. Oleh hal yang demikian, secara keseluruhannya, analisis yang dijalankan mendapati bahawa responden mengetahui dan memahami maksud al-Fatihah yang dibaca.

Jika dilihat pada syarat kelayakan minima bagi kemasukan pelajar ke Pusat Asasi KUIS khususnya Matapelajaran Bahasa Arab dalam SPM; Program Kursus Asas Pengajian Islam mensyaratkan kredit, diikuti dengan Program Bahasa Arab yang hanya mensyaratkan lulus, manakala program-program lain tidak mensyaratkan matapelajaran tersebut.

Oleh itu kertas kerja ini dapat merumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara bacaan dengan kefahaman surah al-Fatihah di kalangan pelajar Pusat Asasi KUIS adalah seperti berikut:

- i. Semakin tinggi penguasaan pelajar terhadap bahasa arab, semakin baik tinggi tahap keupayaan bacaan surah al-Fatihah.
- ii. Semakin tinggi tahap kefahaman pelajar terhadap surah al-Fatihah, semakin tinggi tahap keyakinan mereka dalam mengukur keupayaan bacaan surah al-Fatihah masing-masing.

## **5.0 KESIMPULAN**

Tuntutan membaca surah al-Fatihah bukan setakat bacaan sahaja tetapi menuntut kefahaman dan penghayatan khususnya dalam solat. Melalui faham surah al-Fatihah juga mampu meningkatkan tahap keupayaan diri ketika membaca surah tersebut. Bacaan akan lebih kualiti dan menepati kehendak bacaan yang sebenar iaitu bacaan secara tartil seperti yang dituntut oleh Allah Taala.

## **RUJUKAN**

Ahmad Hisham Azizan. (2009). Terapi Solat Dalam Menangani Penyakit Gelisah (Anxiety) Menurut Perspektif Psikoterapi Islam, Jurnal Usuluddin, Bil 29 [2009] 1-43

Al-Ghazali (2004), *Ihya' Ulum al-Din*, Cet. Dar al-Ma'rifah.

Al-Jauzi, Ibn Qayyim (2004), *Asrar al-Solah*. Dikemaskini oleh Abu Abdullah Hammam Al-Jaza'iri.

Norizan Yusof & Muhammad Nubli Abd Wahab. 2016. Kesan Terapi Meditasi Surah Al-Fatihah Melalui Ujian Biofeedback Dalam Mengurangkan Tekanan Remaja Bermasalah Di Institut Latihan Teknikal. Proceeding 2<sup>nd</sup> International Social Development Conference 2016. 666-672.

Mohd Zaki Ahmad & Muhd Zulkifli Ismail. 2016. Nilai Tauhid Dalam Ruqyah Al-Fatihah: Analisis Pragmatik. Proceeding International Conference on Aqidah, Dakwah & Syariah 2016. 1906-1916.

Abdul Hakim Abdullah, Ahmad Azrin Adnan, Rohaizan Baru & Ahmad Amirul Ihsan Che Zahari. 2016. Principles of Islamic Management Based On Surah al-Fatihah. *The Social Sciences @ Medwell Journals*. 5467-5476.

Qadhi, (2013), Kesan bacaan AL-Quran terhadap otak dan organ manusia. Retrieved from <http://khalifahhalhidayah.blogspot.my/2013/04/kesan-bacaan-al-quran-pada-syaraf-otak.html> diakses pada 10 Julai 2017.

[https://umlib.um.edu.my/newscut\\_details.asp?cutid=2772](https://umlib.um.edu.my/newscut_details.asp?cutid=2772). diakses pada 10 Julai 2017.